



Siaran Media Untuk Siaran Segera

PHB dan MAM Umumkan Pengagihan Pendapatan Interim & Bonus

Kuala Lumpur, 6 April 2020 – Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) selaku Penaja dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM), selaku Pengurus Dana, hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan interim dana AHB sebanyak 2.60 sen seunit untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2020, bagi 500,000 unit pertama untuk setiap pemegang unit. Jumlah ini terhasil daripada pengagihan pendapatan asas sebanyak 2.30 sen seunit dan pengagihan bonus sebanyak 0.30 sen seunit. Pengagihan bonus ini disumbangkan oleh PHB selaku penaja dana AHB.

Bagi para pemegang unit institusi yang melebihi daripada 500,000 unit, unit lebihan hanya layak bagi pengagihan pendapatan asas sebanyak 2.30 sen seunit. Oleh itu, pengagihan pendapatan interim untuk pemegang unit institusi adalah berjumlah di antara 2.30 sen seunit sehingga 2.60 sen seunit bergantung kepada bilangan unit yang dipegang. Pengagihan pendapatan interim ini akan memberi manfaat kepada 75,000 pemegang unit Bumiputera serta 14 institusi Bumiputera.

Pengagihan pendapatan interim AHB ini adalah dikecualikan dari cukai dan telah dizakatkan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang-pemegang unit pada 14 April 2020. Manakala bagi Ahli Skim Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), agihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 KWSP.

AHB dengan harga tetap RM1.00 seunit adalah sebuah dana amanah berlandaskan hartanah yang patuh Syariah. Ia membolehkan pelabur-pelabur Bumiputera menyertai pemilikan benefisial aset-aset hartanah yang mampu memberi pulangan yang kompetitif serta dalam aliran pendapatan yang konsisten. Dana ini boleh dilanggan di semua cawangan Maybank, AmBank dan AmBank Islamic di seluruh Negara.

Berkaitan dengan isu pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pengarah Urusan PHB, Dato' Mahmud Fauzi Muda berkata syarikat berkenaan sedang dalam peringkat akhir bagi melaksanakan *Rental Relief Programme* untuk membantu meringankan beban para penyewa yang terjejas di pusat membeli-belah serta bangunan-bangunan lain milik PHB.

-Tamat-